

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf
khairil.ashraf@hme-
tro.com.my

DBKL ELAK INSIDEN 'ABANG BELON' DAN 'KAKAK GIGIT' BERULANG

Tambah baik penguatkuasaan

Kuala Lumpur

Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk tindakan penguatkuasaan pada tahun hadapan bagi mengelakkan insiden 'Abang Belon' dan 'Kakak Gigit' berulang lagi.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, antara cadangan penambahbaikan itu adalah daripada segi kursus dan latihan yang diberikan kepada mereka.

Beliau berkata, kursus dan latihan ini menekankan empat fasa kepada pe-

latih dan penguatkuasa sedia ada iaitu fasa pertama melibatkan latihan rejimental seperti kawad kaki, seni mempertahankan diri dan jasmani yang berlangsung selama sebulan.

Fasa kedua, katanya, melibatkan latihan sambil bekerja di bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman yang berlangsung selama sebulan.

"Fasa ketiga melibatkan kelas perundangan yang berlangsung selama 45 hari serta fasa keempat melibatkan latihan kawad kaki dan persiapan tamat latihan kursus selama tiga minggu," katanya pada Ma-

jlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai Penguatkuasa DBKL Tahun 2025 bagi Skuad 28 yang melibatkan 39 pelatih baharu di Menara Penguatkuasa, di sini, semalam.

Menurutnya, Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga diminta untuk membantu DBKL dalam memberikan kursus kepada mereka.

Dalam pada itu, katanya, dengan

melengkapkan kursus asas ini, pelatih secara tidak langsung akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan tahap keyakinan diri mereka bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga kota.

Beliau berkata, penampilan dan keterampilan ditunjukkan oleh pegawai dan anggota yang berpengetahuan serta berkeyakinan tinggi, sekali gus dapat memberikan tanggapan dan pandangan positif dalam kalangan warga kota

bagi menaikkan imej DBKL.

"Tugas menguatkuasakan undang-undang merupakan salah satu tunjang kepada fungsi dan tanggungjawab Jabatan Penguatkuasaan dalam memberikan nilai positif kepada warga kota selain mendidik warga kota melalui tindakan penguatkuasaan.

"Dalam erti kata lain, warga kota akan lebih mempercayai dan menghormati pegawai dan anggota penguat kuasa di lapangan," katanya.

Menurutnya, Jabatan Penguatkuasaan DBKL merupakan jabatan yang sen-

tiasa dipandang dan dijadikan rujukan oleh warga kota serta pihak berkuasa tempatan lain.

"Harapan saya agar jabatan ini tetap meneruskan legasi serta imej baik.

"Selain itu, saya amat berharap agar Jabatan Penguatkuasaan dapat memperkukuh kerjasama strategik dengan semua agensi penguatkuasaan lain di Kuala Lumpur.

"Ingatlah prinsip 4P (*Public, Private, People Partnership*) yang saya pelopori sebagai asas kepada tadbir urus kolaboratif yang inklusif dan berkesan," katanya.

**Jabatan
Penguatkuasaan
DBKL merupakan
jabatan yang dijadikan
rujukan warga ibu kota**